

B
A
B

K
E
L
I
M
A

—

BAB KELIMA

PENUTUP

5 KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1 Kesimpulan Dan Penutup

Hasil daripada penyelidikan ini, penulis dapat menyimpulkan bahawa sumbangan pendidikan Islam yang telah dicurahkan oleh Tuan Guru Haji Omar amat besar terhadap masyarakat Besut. Ini dapat dilihat ramai dari kalangan penuntut beliau yang berjaya menjadi tokoh agama sepetimana beliau sendiri.

Kecekalan dan keyakinan beliau membentuk suatu fenomena baru dalam bidang pendidikan Islam terhadap penduduk tempatan yang masih diselubungi kejahilan pada waktu itu, merupakan suatu sifat yang wajar dijadikan contoh. Ini kerana dalam keadaan yang sedemikian pastinya sukar membawa perubahan terhadap masyarakat tersebut. Ini disebabkan mereka telah terbiasa dengan cara kehidupan masing-masing yang bebas melakukan apa sahaja. Walaupun mereka kaya dengan adab ketimuran tetapi masih tidak lengkap tanpa adanya pendidikan Islam yang sempurna.

Keikhlasan hati beliau merupakan tonggak utama dalam menongkah arus dakwah. Justeru itu beliau tidak menggunakan cara khusus dalam bidang pendidikan.

*

Jika ditinjau dari cara perlaksanaan sistem pendidikan yang beliau lakukan, ianya jauh berbeza dengan sistem pendidikan yang ada sekarang. Ini kerana bentuk pengajaran yang dibuatnya adalah berdasarkan apa yang dirasakan perlu diajar kepada masyarakat pada masa itu. Antara ilmu asas Islam yang beliau ajari ialah, ilmu Tauhid, Hadith, Tafsir, Tasawuf dan sebagainya.

Walaupun tiada sistem yang lengkap dalam pendidikan beliau, namun keberkesanan pendidikan terhadap para pelajarnya amatlah menakjubkan. Ini kerana jika hendak dibandingkan dengan institusi pendidikan moden sekarang, institusi pengajian beliau dianggap lebih berjaya melahirkan para ilmuan yang betul-betul berketerampilan sebagai tokoh ilmuan Islam.

Kelebihan beliau bukan hanya setakat sebagai seorang pendidik, malah beliau juga dikatakan mempunyai “*karamah*” iaitu kelebihan luar biasa yang dianugerahkan Allah s.w.t kepada hamba-hambaNya yang soleh. Sepertimana yang pernah penulis ceritakan sebelum ini banyak

berlaku peristiwa luar biasa kepada orang yang cuba menghina dan mengesyaki sesuatu yang buruk terhadapnya.

Dalam pendidikan, Tuan Guru Haji Omar telah berjaya mengurangkan kadar buta huruf dan buta agama di kalangan masyarakatnya. Strateginya menjadikan masjid sebagai tempat mengajar, berjaya menarik lebih ramai masyarakat untuk berkumpul disitu. Apabila bilangan mereka semakin bertambah memudahkan beliau untuk membuka pusat pengajian pondok di situ. Teknik tersebut adalah ilham yang dicetuskan oleh Baginda Rasulullah s.a.w ketika beliau mula sampai di Mekah. Kejayaan menambah bilangan umat Islam juga antara lain berpunca daripada kebijaksanaan Baginda Rasulullah s.a.w menyusun gerak kerjanya.

Ratusan pelajar telah berjaya dilahirkan. Akhirnya masyarakat Besut semakin hari semakin maju dalam bidang pendidikan. Maka tidak hairanlah jika dikatakan masyarakat Besut pada hari ini masih kuat berpegang dengan ajaran agama.

Bilangan pusat pengajian juga turut bertambah. Walaupun pondok Tuan Guru Hj Omar sudah tiada sekarang. Namun penyambung warisan beliau tetap ada, antaranya ialah dengan kewujudan Pondok Wataniah atau sekarang telah menjadi pusat pengajian menengah yang diambil alih

oleh Kerajaan Persekutuan. Pengasas pusat pengajian ini adalah Tuan Guru Hj Abd Latif Awang yang merupakan murid kesayangan Tuan Guru Hj Omar.

3

Walaupun kehilangan beliau amat dirasai oleh para pelajar dan pencinta ilmu pada waktu itu, namun mereka tetap gigih dan bersemangat untuk meneruskan khazanah ilmu yang dicurahkan kepada mereka. Begitulah besarnya jasa dan pengorbanan Tuan Guru Hj Omar dalam bidang pendidikan. Perasaan putus asa tidak pernah timbul dalam diri beliau. Seboleh mungkin beliau berusaha untuk menyebarkan ilmu yang dipelajari biarpun seribu masalah yang menimpa. Hingga kini beliau masih diingati dan disanjungi oleh pelajar-pelajar dan sahabat-sahabat yang pernah berguru dengannya. Namun begitu penulis merasa kesal dan terkilan kerana beliau seolah-olah tidak lagi diingati oleh generasi baru hari ini. Keadaan ini disebabkan tidak ada bukti yang khusus tentang kewujudan beliau sebagai salah seorang tokoh Islam terkemuka pada abad ke-19 seperti pondok atau masjid yang sepatutnya masih berfungsi hingga ke hari ini. Malangnya yang ada hanyalah teratak beliau yang semakin reput dimakan usia. Namun begitu mungkin terdapat rahmat di sebaliknya.

Akhirnya penulis mendoakan agar beliau digolongkan di dalam golongan orang yang beriman dan bertaqwa. Semoga segala bentuk pengajaran dan pendidikan yang dicurahkan, akan terus menjadi pegangan dan pedoman, seterusnya dapat mengekalkan identiti Islam kepada masyarakat seluruhnya.

Diharap agar hasil kajian ini mampu memberi pendedahan baru kepada masyarakat Besut khususnya, agar mereka dapat mengkaji tokoh-tokoh terdahulu untuk dijadikan idola atau tauladan dalam bidang pendidikan Islam. Tanpa mereka mungkin kita masih lagi ditakuk kejahilan yang lama.

5.2 Saranan-saranan

Bagi mengekalkan sistem pendidikan Islam di daerah Besut, maka penulis mencadangkan beberapa saranan yang difikirkan perlu dilaksanakan serta diteruskan, untuk memastikan cita-cita dan impian membangunkan pendidikan Islam di daerah Besut menjadi suatu kenyataan. Saranan-saranan ini penulis utarakan kepada Kerajaan Negeri Terengganu, masyarakat Besut dan pelbagai pihak lagi.

5.2.1 Saranan Kepada Ibu Bapa

- i) Pendidikan awal bagi kanak-kanak merupakan suatu perkara yang penting dalam proses membentuk mereka menjadi anak yang soleh. Oleh itu, ibu bapa perlu mengutamakan anak-anak mereka dengan pendidikan Islam yang sebenar, iaitu mendidik mereka terlebih dahulu dalam rangka mengenal dan mencintai al-Quran, sentiasa mengimarahkan masjid dan menelaah buku-buku agama. Di tangan ibu bapalah terletaknya pelbagai corak warna yang akan dilakarkan kepada anak-anaknya seperti kata pepatah “*melentur buluh biarlah dari rebungnya*”.

- ii) Ibu bapa juga disarankan agar menghantar anak-anak mereka untuk belajar ke pusat-pusat pengajian agama. Langkah ini perlu, bagi membentuk peribadi pelajar tersebut menjadi manusia yang beriman dan berakhlak mulia.

5.2.2 Saranan Kepada Guru-Guru

- 3
- i) Peranan guru amatlah penting memandangkan masa yang formal antara mereka dengan pelajar-pelajar di sekolah agak banyak jika hendak dibandingkan dengan bersama ibu bapa di rumah.
 - ii) Penekanan terhadap pendidikan moral sebaiknya bukan hanya di peringkat sekolah rendah sahaja bahkan hingga ke peringkat yang lebih tinggi lagi seperti institusi pengajian tinggi, maktab-maktab dan kolej-kolej yang pada akhirnya akan melahirkan para intelektual yang seimbang dari semua segi dalam memenuhi tuntutan agama samaada di dunia maupun di akhirat.

5.2.3 Saranan Kepada Masyarakat Besut

-
- i) Masyarakat Besut diseru agar memilih orang yang benar-benar berilmu dan bertaqwa sebagai pemimpin mereka. Pilihan yang tepat mesti dibuat berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh syara'. Ini kerana pemimpin inilah yang akan menentukan hala tuju mereka samaada kearah kebaikan atau keburukan.

- ii) Melihat kepada gejala sosial yang makin merebak seperti bohsia, buang anak, penderaan mental dan fizikal oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, masyarakat Besut diseru agar kembali kepada ajaran Islam yang menekankan pendidikan agama dalam membentuk syaksiah anak-anak supaya lebih berkualiti. Antaranya aspek yang perlu ditekankan ialah dari segi bacaan dan hafalan al-Quran. Begitu juga dengan akhlak kerana ketinggian akhlak seseorang itu melambangkan keluhuran budi pekertinya.
- iii) Untuk mengembalikan sejarah kegemilangan Tuan Guru Haji Omar yang pernah pada suatu ketika dahulu menjadi salah seorang Tuan Guru yang terkenal di Besut, tempat-tempat ibadah seperti masjid, balaisah, surau beliau hendaklah diimarahkan. Oleh itu para imam atau ahli jawatankuasa masjid atau surau mestilah memainkan peranan untuk menarik ramai makmun mengunjunginya. Mereka boleh mengadakan pelbagai aktiviti seperti tadarus al-Quran, qiamullail, ceramah agama dan sebagainya pada hari tertentu. Bagi menarik minat mereka, hendaklah dijemput penceramah atau guru yang terkenal dan sudah diketahui umum keberkesanannya serta diminati oleh audiens untuk terus mengikuti pengajarannya.

5.2.4 Saranan Kepada Kerajaan Negeri Terengganu

- i) Kerajaan Negeri disaran supaya memikirkan suatu langkah yang berkesan bagi menjamin sistem pendidikan pondok tidak dilupakan begitu sahaja. Oleh itu Kerajaan Negeri sepatutnya mengambil langkah perlu seperti menyalurkan bantuan kewangan bagi membangunkan pondok-pondok serta memberi bantuan biasiswa kepada pelajar-pelajarnya. Di samping itu kerajaan juga disarankan agar mewujudkan peluang pekerjaan kepada pelajar-pelajar daripada institusi tersebut.
- ii) Kerajaan Negeri juga disaran agar mengambil langkah perlu bagi mempertahankan institusi pengajian pondok. Ini kerana telah terlalu banyak institusi pengajian ini telah diubah untuk dijadikan sekolah-sekolah moden. Memandangkan institusi pengajian pondok inilah yang berjaya melahirkan ulama-ulama yang berwibawa jika hendak dibandingkan dengan apa yang telah dilahirkan oleh sekolah-sekolah moden sekarang.
- iii) Bagi meneruskan kesinambungan institusi pengajian pondok. Kerajaan Negeri disarankan agar dapat mengambil langkah segera bagi menghidupkan kembali pusat pengajian pondok yang sudah lama terkubur dengan menggantikannya dengan pusat pengajian yang baru. Ekoran daripada itu kerajaan disarankan agar mengambil langkah-

langkah perlu bagi menghidupkan kembali pusat pengajian pondok yang diasaskan oleh Tuan Guru Hj Omar, ini agar usaha murni yang telah dicurahkan oleh beliau tidak dilupakan begitu sahaja.